

Dewesternisasi Ilmu

SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS

PENDAHULUAN

Banyak cabaran telah muncul di tengah-tengah kekeliruan manusia di sepanjang sejarah, tetapi barangkali tidak ada yang lebih serius dan lebih merosak ke atas manusia daripada cabaran yang dibawa peradaban Barat hari ini. Saya berani mengatakan cabaran terbesar yang muncul secara diam-diam pada zaman kita adalah cabaran ilmu, sesungguhnya bukan sebagai lawan kejahilan, tetapi ilmu yang difahami dan disebarakan ke seluruh dunia oleh peradaban Barat; hakikat ilmu telah menjadi bermasalah kerana ia telah kehilangan tujuan hakikinya akibat daripada pemahaman yang tidak adil. Ilmu yang seharusnya menciptakan keadilan dan perdamaian, justeru membawa kekacauan dalam kehidupan manusia; ilmu yang terkesan nyata, namun justru menghasilkan kekeliruan dan skeptisisme, yang mengangkat keraguan dan dugaan ke darjat 'ilmiah' dalam hal metodologi serta menganggap keraguan sebagai sarana epistemologi yang paling tepat untuk mencapai kebenaran; ilmu yang untuk pertama kalinya dalam sejarah itu telah membawa kekacauan kepada tiga kerajaan alam: haiwan, tanaman dan bahan galian. Perlu untuk saya tekankan di sini bahawa ilmu itu tidak neutral, dan tentu sahaja dapat dimasuki dengan suatu sifat dan kandungan yang menyamar sebagai ilmu. Tetapi hakikatnya, jika diamati secara keseluruhan, ia bukanlah ilmu yang benar, melainkan hanya berupa tafsiran-tafsiran melalui prisma pandangan alam, sebuah pandangan intelektual dan persepsi psikologi dari peradaban yang memainkan peranan kunci dalam perumusan dan penyebarannya pada saat ini. Apa yang dirumuskan dan disebarakan adalah ilmu yang dimasuki watak dan keperibadian peradaban itu. Ilmu yang disajikan dan disampaikan dengan topeng seperti itu dilebur secara halus bersama-sama dengan ilmu yang benar sehingga orang lain tanpa sedar menganggap secara keseluruhannya merupakan ilmu yang sebenarnya. Watak, keperibadian, esensi dan ruh peradaban Barat seperti apakah yang telah mengubah dirinya sendiri serta dunia ini dan membawa semua yang menerima tafsiran ilmu itu ke dalam sebuah kekacauan yang menuju kepada kehancuran? 'Peradaban Barat' yang saya maksudkan itu adalah peradaban yang berkembang dari percampuran sejarah pelbagai kebudayaan, falsafah, nilai dan aspirasi Yunani dan Romawi kuno; penyatuannya dengan ajaran Yahudi dan Kristian dan perkembangan dan pembentukan lebih jauh yang dilakukan orang Latin, Germanik, Celtik dan Nordik. Dari Yunani kuno diserap unsur falsafah, epistemologi, dasar pendidikan dan etika serta estetika; daripada Romawi unsur-unsur hukum dan ketatanegaraan serta pemerintahan; daripada ajaran Yahudi

dan Kristian unsur keyakinan beragama; dan daripada orang Latin, Germanik, Celtik dan Nordik kemerdekaan, semangat kebangsaan dan nilai tradisi mereka, serta pengembangan ilmu sains tabi'i, fizik dan teknologi. Dengan kekuatan ini, bersama bangsa Slavia, mereka telah mendorong peradaban ini ke puncak kekuasaan. Islam juga telah memberi banyak sumbangan yang penting kepada peradaban Barat dalam bidang ilmu dan dalam menanamkan semangat rasional dan saintifik. Tetapi ilmu serta semangat rasional dan saintifik itu telah disusun kembali dan ditata ulang untuk disesuaikan dengan acuan kebudayaan Barat sehingga melebur dan menyatu dengan unsur lain yang membentuk watak serta keperibadian peradaban Barat. Namun, peleburan dan penyatuan itu kemudian berkembang menghasilkan suatu dualisme yang khas dalam pandangan alam dan tata nilai kebudayaan dan peradaban Barat. Suatu dualisme yang tidak dapat diselesaikan menjadi kesatuan yang harmoni, kerana terbentuk daripada berbagai idea, nilai, kebudayaan, kepercayaan, falsafah, dogma, doktrin dan teologi yang saling bertentangan. Kesemuanya ini mencerminkan suatu pandangan dualistik terhadap realiti dan kebenaran yang diikuti dengan pertempuran yang menghancurkan harapan. Dualisme itu menguasai semua aspek kehidupan dan falsafah Barat; baik yang spekulatif, sosial, politik, atau kebudayaan – sebagaimana ia telah menyusup dengan begitu hebat ke dalam agama Barat.

Barat merumuskan pandangannya terhadap kebenaran dan realiti bukan berdasarkan ilmu wahyu dan dasar keyakinan agama, tetapi berdasarkan tradisi kebudayaan yang diperkuat oleh dasar falsafah. Dasar falsafah ini berangkat daripada tekaan yang berkaitan hanya dengan kehidupan sekular yang berpusat pada manusia sebagai entiti fizik dan haiwan rasional. Meletakkan ruang yang besar bagi kekuatan rasional manusia sebagai satu-satunya kekuatan yang akan menyingkap sendiri seluruh rahasia alam dan hubungannya dengan eksistensi, serta menyingkap hasil pemikiran spekulatif itu bagi perkembangan nilai etika dan moral yang berevolusi untuk membimbing dan mengatur kehidupannya. Tidak akan ada kepastian dalam spekulasi falsafah seperti kepastian keagamaan yang berdasarkan ilmu yang diwahyukan seperti yang difahami dan dialami dalam Islam¹. Inilah sebabnya ilmu serta nilai yang memancarkan pandangan alam dan mengarahkan kehidupan peradaban tersebut akan sentiasa ditinjau ulang dan berubah.

Semangat penelitian dalam kebudayaan dan peradaban Barat itu berasal dari penghapusan keterpesonaan manusia terhadap agama seperti yang difahami dalam peradaban tersebut. Agama dalam pengertian kita, sebagai *din*, tidak pernah berakar dalam peradaban Barat kerana kecintaannya yang berlebihan dan menyimpang kepada dunia dan kehidupan sekular serta manusia dan kesibukan memikirkan nasib sekularnya di dunia. Semangat penelitian ini pada dasarnya didorongkan keadaan ragu dan tekanan batin. Tekanan batin ini adalah akibat daripada konflik antara unsur dan nilai yang saling bertentangan dalam cara pandang dualisme yang dipertahankan, sementara keraguan tersebut meneruskan keadaan tekanan batin. Tekanan batin itu pada gilirannya

membangkitkan keinginan yang tidak pernah terpuaskan untuk melakukan pencarian tanpa akhir.

Pencarian tersebut tiada pernah terpuaskan dan perjalanan itu tidak pernah berakhir kerana keraguan yang sentiasa menguasai diri, sehingga apa yang dicari itu tidak akan ditemukan, sedangkan jawapan yang diperolehi itu tidak pernah mencapai tujuan yang sebenarnya. Ibarat seorang pengembara yang kehausan yang pada mulanya tulus dalam mencari air ilmu pengetahuan. Namun, selepas menemukannya, mungkin kerana merasa air tersebut tawar, lalu ia menambahkan ke dalam cangkirnya garam keraguan sehingga rasa hausnya kini tidak dapat hilang meskipun ia minum air itu terus menerus. Dengan meminum air itu, ia tidak dapat memuaskan dahaganya, kerana ia telah melupakan tujuan awal dan tujuan yang benar dari pencarian air itu.

Kebenaran agama yang asasi dipandang, dalam cara berfikir seperti itu, sebagai teori belaka, atau ditolak terus hanya sebagai bayangan yang tidak berguna. Nilai yang mutlak ditolak, sedangkan nilai relatif dipegang teguh. Tidak ada yang pasti, kecuali kepastian bahawa tidak ada yang pasti. Akibat logik dari sikap tadi terhadap ilmu yang mempengaruhi dan dipengaruhi pandangan alam itu adalah pengingkaran terhadap Allah dan Hari Akhirat dan sebaliknya menegaskan manusia dan dunianya. Manusia dituhankan dan Tuhan dimanusiakan. Dunia menjadi satu-satunya kesibukan manusia, bahkan ketidakhadirannya menjadi sekadar keberlangsungan spesiesnya dan kebudayaannya di dunia ini. Apa yang disebut 'perubahan', 'pembangunan' dan 'kemajuan' dalam semua aspeknya, dalam peradaban Barat, adalah hasil daripada pencarian tiada henti dan perjalanan tanpa akhir yang didorong keraguan dan ketegangan batin. Konsep tentang perubahan, pembangunan dan kemajuan selalu difahami dalam konteks keduniawian dan sentiasa menyajikan pandangan alam yang materialistik yang dapat disebut sebagai bentuk eksistensialisme humanistik. Semangat kebudayaan Barat yang menggambarkan dirinya sebagai Promethean² adalah ibarat Sisyphusnya³ Camus⁴ yang dengan sungguh-sungguh mengharapkan bahawa semuanya baik-baik sahaja. Saya katakan *dengan sungguh-sungguh berharap bahawa semuanya baik-baik sahaja* kerana saya merasa bahawa hakikatnya tidak semuanya baik, kerana saya percaya ia tidak akan pernah benar-benar bahagia dalam keadaan itu. Pencarian ilmu yang dimaksudkan di atas ibarat perjuangan mendorong batu besar dari dasar ke puncak gunung di mana setelah tiba di puncak batu itu hanya untuk digelindingkan kembali ke bawah. Pencarian ini tidak ubahnya suatu permainan serius yang tidak pernah berhenti, seolah-olah untuk mengalihkan jiwa dari tragedi kegagalan. Oleh kerana itu menghairankan bahawa di dalam kebudayaan Barat *tragedi* disanjung sebagai salah satu nilai yang paling mulia dalam drama kewujudan manusia.

Menyandarkan diri hanya pada kekuatan akal rasional manusia untuk membimbing manusia dalam kehidupan; kepercayaan terhadap keabsahan pandangan dualistik mengenai realiti dan kebenaran; penegasan akan sisi fana

kehidupan sebagai realiti yang memancarkan pandangan alam yang sekular; penerimaan ajaran humanisme; penerimaan drama dan tragedi, yang dianggap sebagai realiti universal, di dalam kehidupan spiritual, atau transendental, atau kehidupan batin manusia, sehingga drama dan tragedi menjadi unsur nyata bahkan dominan dalam hakikat dan eksistensi manusia – kesemua unsur ini secara keseluruhan, menurut pendapat saya adalah asas ruh, watak dan keperibadian kebudayaan dan peradaban Barat. Inilah unsur yang membentuk konsep ilmu serta arah tujuannya dalam kebudayaan dan peradaban Barat, termasuk juga perumusan isi dan kaedah penyebarannya. Dengan demikian ilmu yang secara sistematik disebar ke seluruh dunia saat ini bukanlah ilmu yang sejati. Tetapi ilmu itu sudah dimasuki watak dan keperibadian, kebudayaan dan peradaban Barat, dipenuhi dengan semangatnya dan disesuaikan dengan tujuannya. Unsur inilah yang kemudian harus dikenali, dipisahkan dan diasingkan dari tubuh ilmu pengetahuan, sehingga ilmu itu dapat dibersihkan dari unsur tersebut. Oleh sebab unsur Barat ini, termasuk juga hal yang terkandung di dalamnya, bukanlah ilmu pengetahuan itu sendiri, tetapi ia hanyalah menentukan bentuk khusus bagi memahami, menilai, dan menafsirkan ilmu tersebut agar sesuai dan sejalan dengan pandangan alam peradaban Barat. Seterusnya, selain kita perlu mengenal pasti, memisahkan dan mengasingkan unsur tadi dari tubuh ilmu yang semestinya akan mengubah bentuk konseptual, nilai dan tafsiran beberapa kandungan ilmu pengetahuan seperti yang disajikan sekarang,⁵ kita perlu mengubah tujuan serta sistem pengaturan dan penyebaran ilmu pengetahuan dalam lembaga-lembaga pendidikan, demikian juga dalam lapangan pendidikan. Mungkin ada yang berpendapat apa yang disarankan ini tidak lebih daripada suatu tafsiran lain, di mana ilmu pengetahuan tadi dimasuki bentuk konseptual dan nilai lainnya yang disesuaikan dengan maksud yang mencerminkan pandangan alam lain tersebut; dengan demikian, dari sudut pandang yang sama, bagaimana pun juga ia dirumuskan dan disebar tetap tidak semestinya akan menyangkan ilmu pengetahuan yang *sejati* itu. Namun, perkara ini harus diteliti dengan lebih lanjut, kerana pengujian benar tidaknya ilmu itu terletak pada diri manusia sendiri. Jika melalui penafsiran alternatif itu manusia dapat mengetahui hakikat dirinya serta tujuan sejati hidupnya,⁶ dan dengan mengetahui itu ia mencapai kebahagiaan,⁷ maka ilmu itu adalah ilmu sejati, meskipun ilmu itu dipengaruhi unsur tertentu yang menentukan bentuk khususnya, serta difahami, dinilai dan ditafsirkan sesuai dan sejalan dengan suatu pandangan alam tertentu. Ini adalah kerana ilmu pengetahuan seperti inilah yang telah memenuhi tujuan manusia mencari ilmu.⁸

HAKIKAT MANUSIA

Manusia mempunyai hakikat ganda atau dwi hakikat, iaitu jiwa dan raga; keduanya adalah sebuah wujud fizikal dan sekaligus ruh (15: 29; 23: 12-14).⁹ Allah mengajarkannya nama-nama (*al-asmā'*) segala sesuatu (QS. 2: 31). Dengan

‘nama-nama itu’ kita menyimpulkan bahawa yang dimaksud adalah ilmu (*al-‘ilm*) tentang segala sesuatu (*al-ashyā’*). Ilmu ini tidak merujuk kepada ilmu tentang esensi atau dasarnya yang paling dalam (*sirr*) dari sesuatu (*shay’*), sebagai contoh ruh, di mana ilmu ini hanya sedikit yang diberikan Allah kepada manusia (17: 85). Ilmu yang dimaksudkan di sini adalah tentang ‘*araḍ*’ dan sifat mengenai segala sesuatu yang dapat ditangkap pancaindera (*maḥsūsāt*) dan difahami akal (*ma‘qūlāt*) sehingga dapat diketahui hubungan dan perbezaan antara satu sama lainnya. Selain itu, juga untuk menjelaskan hakikatnya dalam konteks ini sehingga dapat dikenali dan difahami penyebab, penggunaan dan manfaatnya masing-masing. Manusia juga diberi ilmu tentang Allah (*ma‘rifah*), tentang Keesaan-Nya Yang Mutlak; bahawa Allah adalah Tuhan yang sebenar-benarnya Tuhan (*rabb*), dan objek sembahyan yang sejati (*ilāh*) (7: 172; 3: 18).

Tempat ilmu ini, baik *al-‘ilm* atau *ma‘rifah*, ada pada jiwa manusia (*al-nafs*), hatinya (*al-qalb*) dan akalnya (*al-‘aql*). Oleh kerana manusia mengetahui (*‘arafa*) Allah dengan mentauhidkannya sebagai Tuhan sejati, maka ilmu tersebut serta realiti keadaan yang berkait dengannya itu mempunyai kesan mengikat manusia dalam suatu Perjanjian (*mithāq*, ‘*ahd*) yang menentukan tujuan hidup, peri laku dan perbuatannya dalam hubungan antara dirinya dengan Allah (QS. 7: 172). ‘Keterikatan’ dan ‘penentuan’ manusia dengan Tuhannya dalam suatu Perjanjian ini dalam hal tujuan hidup, peri laku dan perbuatannya ini pada dasarnya adalah keterikatan dan penentuan dalam bentuk agama (*dīn*) dan kepatuhan (*aslama*) yang sejati. Maka, *dīn* dan *aslama* kedua-duanya berkait erat dalam hakikat manusia (*fiṭrah*). Tujuan sejati manusia adalah untuk menjalankan ‘*ibādah* kepada Allah (QS. 51: 56), dan kewajibannya adalah taat kepada Allah sesuai dengan hakikat dasar (*fiṭrah*) yang telah diciptakan Allah baginya (QS. 30: 30). Tetapi, di samping itu manusia juga “bersifat pelupa, (*nisyān*)”. Manusia disebut *insan* adalah kerana setelah bersaksi akan kebenaran Perjanjian yang menuntutnya untuk mematuhi perintah dan larangan Allah, ia lupa (*nasiya*) memenuhi kewajiban dan tujuan hidupnya itu (diriwayatkan dari ibn ‘Abbas¹⁰:

إِنَّمَا سُمِّيَ الْإِنْسَانُ إِنْسَانًا لِأَنَّهُ عَاهَدَ إِلَيْهِ فَنَسِيَ

Sesungguhnya manusia disebut insan kerana setelah berjanji dengan-Nya, ia lupa (nasiya),

dengan merujuk kepada QS. 20: 115). Sifat pelupa ini adalah penyebab keingkaran manusia dan sifat tercela ini mengarahkannya kepada ketidakadilan (*zulm*) dan kejahilan (*jahl*) (33: 72). Namun demikian, Allah telah melengkapinya dengan daya pandangan dan kefahaman yang benar dan kecenderungan menikmati kebenaran sejati serta percakapan dan komunikasi yang benar. Dan Allah telah menunjukkan pula kepadanya apa yang benar dan yang salah sehingga ia dapat memilih perbuatan mana yang harus diambilnya agar ia dapat

berjuang mencapai takdirnya yang cerah (QS. 90: 8-10). Pilihan itu diserahkan kepadanya.

Selain itu Allah telah melengkapinya dengan kecerdasan untuk membezakan yang benar daripada yang salah, atau kebenaran daripada kepalsuan. Meskipun kecerdasan itu mungkin membingungkannya, tetapi asalkan ia jujur dan setia terhadap hakikat dirinya yang benar, maka Allah dengan segala kurnia, belas kasih dan rahmat-Nya – jika Ia menghendaki – akan memberikan petunjuk-Nya (*hudā*) untuk membantunya memperoleh kebenaran dan peri laku yang benar (contoh yang paling baik dalam hal ini adalah Nabi Ibrahim, *'alayhi 'l-salām*, pada QS. 6: 74-82). Manusia setelah dipersiapkan demikian, dicipta untuk menjadi wakil (*khalifah*) Allah di muka bumi (QS. 2: 30). Dengan demikian, beban berat kepercayaan (*amānah*) itu telah diletakkan ke atas pundaknya, iaitu amanah dan tanggungjawab untuk memerintah sesuai dengan kehendak, maksud dan redha-Nya (33: 72). *Amānah* bermakna *tanggungjawab* untuk berbuat adil terhadapnya. Yang dimaksudkan dengan memerintah di sini tidak hanya dalam pengertian sosio-politik, atau dalam pengertian mengendalikan alam secara saintifik, tetapi yang lebih mendasar adalah merangkumi konsep alam tabi'i (*ṭabi'ah*), ia menunjuk kepada memerintah, mengatur, mengendalikan dan memelihara manusia oleh diri manusia itu sendiri. Manusia juga mempunyai dua jiwa (*nafsān*) serupa dengan dwi hakikatnya di atas: jiwa yang tinggi disebut jiwa akali (*al-nafs al-nāṭiqah*), dan jiwa yang rendah disebut jiwa haiwani (*al-nafs al-ḥayawāniyyah*). Ketika Allah mengumumkan realiti ketuhanan-Nya kepada manusia, jiwa akali itulah yang dituju-Nya, maka jiwa akalilah yang mengetahui Allah. Agar manusia memenuhi Perjanjiannya dengan Allah, senantiasa menegaskan dan mengesahkan Perjanjian itu sepenuh jiwanya sehingga terjelma dalam amal perbuatannya (*'amal*, iaitu dengan merujuk kepada *'ibādah*) yang dilakukan dalam ketaatannya terhadap Hukum Allah (iaitu *shāri'ah*), maka jiwa akali itu harus mempertahankan kekuasaannya dan menggunakan kuasa dan pengaruhnya terhadap jiwa haiwani, sehingga jiwa haiwani itu tunduk dan patuh kepadanya seperti yang mestinya. Kekuasaan dan pengendalian berkesan yang dilakukan oleh jiwa akali atas jiwa haiwani itulah yang sebenarnya dinamakan *dīn*; sedangkan kepatuhan secara sedar dan menyeluruh serta penuh kerelaan jiwa haiwani terhadap jiwa akali itu tidak lain adalah *aslama* dan Islam. Kedua-dua *dīn* dan Islam itu yang membawa kepada sebaik-baik perilaku keagamaan (*ihsān*), mesti berkaitan dengan kebebasan yang dimiliki jiwa akali, kebebasan yang bermaksud kekuasaan (*quwwah*) dan kemampuan (*wus'*) untuk berbuat adil kepada dirinya. Dan ini bermaksud menggunakan kuasanya, bimbingannya serta pemeliharannya ke atas jiwa haiwani dan raga tersebut. Kekuasaan dan kemampuan untuk berbuat adil kepada dirinya menyinggung pengukuhan dan pemenuhan jiwa akali terhadap Perjanjiannya dengan Allah secara terus-menerus. *Keadilan* dalam Islam bukan merujuk kepada suatu keadaan yang hanya terjadi pada hubungan antara dua orang atau antara dua pihak, seperti

antara seorang dengan seorang lain, atau antara masyarakat dan negara, atau antara raja dan rakyatnya. Manusia Islam, seorang Muslim sejati, *khalifatu 'Llāh*, tidaklah terikat oleh kontrak sosial, atau menganut doktrin kontrak sosial. Memang ia hidup dan bekerja dalam lingkungan tata negara dan autoriti sosial dan memberi sumbangannya kepada kebaikan sosial dan walaupun ia berperilaku *seakan-akan* ia terikat dengan suatu kontrak sosial, namun kontraknya adalah suatu *kontrak peribadi* yang mencerminkan Perjanjian yang telah terpatery dalam jiwanya antara dirinya dengan Allah, kerana sebenarnya Perjanjian itu dibuat untuk *setiap* jiwa. Maksud dan tujuan etika dalam Islam pada akhirnya adalah untuk setiap individu. Apa yang dilakukan seorang manusia Islam di dunia ini, ia dilakukan sesuai dengan apa yang ia yakini bahawa sesuatu itu dikatakan sebagai kebaikan hanya jika Allah dan Rasul-Nya mengatakan demikian, dan ia percaya bahawa perbuatannya itu akan mendapat keredhaan Allah.¹¹

Kita telah menggambarkan secara ringkas perkara yang penting mengenai hakikat manusia yang dapat kita sebut sebagai 'dua sekutu': mempunyai dwi hakikat iaitu jiwa dan raga, jiwa akali dan raga haiwani; dan bahawa ia adalah ruh dan sekaligus, wujud fizikal dan ia mempunyai keperibadian yang disebut dengan diri; bahawa ia mempunyai sifat yang mencerminkan sifat Penciptanya. Secara khusus telah kita katakan bahawa manusia mempunyai ilmu tentang nama pelbagai benda, dan juga ilmu tentang Tuhan; bahawa ia mempunyai organ kognitif spiritual dan rasional, iaitu berupa kalbu dan akal; bahawa ia mempunyai daya untuk mendapatkan pandangan dan pengalaman baik secara fizikal, intelektual atau kebatinaan; bahawa ia mempunyai potensi untuk menyimpan pedoman dan kebijaksanaan dalam dirinya sendiri, dan bahawa ia mempunyai kuasa dan kemampuan untuk berbuat adil kepada dirinya. Dan kita juga mengatakan bahawa pada dasarnya manusia bersifat pelupa sehingga ia dapat sahaja terperangkap dalam keingkaran, kezaliman serta kejahilan. Kesemua sifat positif dan negatif di dalam dirinya itu saling berlumba untuk berkuasa, tetapi dalam dirinya juga terpatery sarana keselamatan dalam agama yang benar dan kepasrahan sejati. Untuk menyimpulkan semua penjelasan di atas, dapat kita katakan sekarang bahawa manusia secara keseluruhan adalah tempat (*maḥall* atau *makān*) bagi kemunculan *dīn* dan oleh kerana itu ia seperti sebuah kota (*maḍīnah*), sebuah negara, sebuah warga kota. Sejatinya seorang manusia tidak ubahnya dengan seorang penghuni kota dalam dirinya, penduduk dari kerajaan miniaturinya sendiri. Konsep manusia sebagai perlambangan mikrokosmik ('*ālam ṣaḡhir*) dari makrokosmos (*al- 'ālam al-kabīr*) itu adalah yang paling penting dalam hubungannya dengan ilmu. Konsep ini adalah sifatnya yang paling penting bertanggungjawab ke atas penegakan keadilan dalam diri, wujud dan eksistensi manusia. Demikian juga dengan halnya dalam hubungannya dengan organisasi pengajaran, penanaman dan penyebaran ilmu dalam pendidikan manusia, khususnya merujuk kepada universiti seperti yang akan diterangkan selanjutnya.

HAKIKAT ILMU

Terdapat banyak penjelasan tentang hakikat ilmu di dalam Islam itu melebihi apa yang ada dalam agama, kebudayaan dan peradaban lainnya. Tidak diragukan lagi hal ini disebabkan kedudukan yang sangat tinggi dan peranan yang besar yang Allah beri kepada *al-'ilm* di dalam Kitab Suci *al-Qur'ān*. Penjelasan tersebut, meskipun isinya berbeza-beza, tetapi merangkumi hakikat ilmu secara keseluruhan. Ada perbezaan antara ilmu Allah dan ilmu manusia mengenai Tuhan, agama dan dunia, dan hal yang dapat ditangkap pancaindera dan dicerna akal; demikian juga ilmu tentang hal kerohanian dan kebijaksanaan. Misalnya, ilmu itu dapat bermaksud Kitab Suci *al-Qur'ān*; Hukum yang diwahyukan (*sharī'ah*); *Sunnah*; Islam; Keimanan (*imān*); Ilmu Spiritual (*'ilm al-ladunniyy*), Kebijaksanaan (*hikmah*) dan *ma'rifah*, juga secara umum disebut sebagai Cahaya; Pemikiran; Sains (suatu *'ilm* khusus, bentuk jamaknya *'ulūm*); Pendidikan. Penjelasan tersebut terbentang sejak zaman awal Islam sampai ke abad ke-7 setelah *Hijrah*, kerana itu termasuk juga berbagai karya tafsir Kitab Suci *al-Qur'ān*; penjelasan *Ḥadīth* oleh para penyusunnya dari berbagai kitab *Ṣiḥāh*; karya-karya para imam tentang hukum dan fiqh, dan juga sebahagian karya hukum yang paling terkemuka yang secara khusus menerangkan konsep ilmu dan kearifan; buku tentang ilmu yang ditulis pelbagai sarjana, cendekiawan, orang bijak, wali baik dari golongan Sunni mahu pun Shi'ah; penjelasan daripada orang Mu'tazilah, Ahli Kalam, para fāilasuf, Sufi dan 'ulama' pada umumnya; kamus peristilahan teknikal dalam bidang *taṣawwuf* dan falsafah dan ilmu sains (*al-funūn*) dari berbagai ahli tata bahasa, ahli filologi, para cendekiawan dan sasterawan; berbagai antologi serta karya-karya lainnya yang berhubungan dengan pendidikan dan pesuratan.¹²

Secara umum dapat difahami bahawa ilmu tidak memerlukan pendefinisian (*ḥadd*).¹³ Makna yang terkandung dalam istilah *'ilm* secara alami dapat langsung dimengerti sebagai manusia berdasarkan pengetahuannya tentang ilmu, kerana ilmu adalah salah satu sifat yang paling penting baginya. Apa maksud ilmu telah jelas baginya sehingga tidak diperlukan penjelasan untuk menerangkan sifat khususnya. Telah diterima bahawa ilmu dapat diklasifikasikan ke dalam unsur yang utama, sehingga dasar pengklasifikasian, selama yang berhubungan dengan manusia, itu dapat bermanfaat. Semua ilmu datang dari Allah. Untuk tujuan pengklasifikasian yang sesuai dengan tindakan kita, kita katakan dengan cara yang sama seperti manusia yang terdiri dari dwi hakikat yang mempunyai dua jiwa, demikian pula ilmu terbahagi kepada dua jenis: yang satu adalah hidangan dan kehidupan bagi jiwanya, dan yang lain adalah bekalan bagi melengkapkan diri manusia di dunia untuk mengejar tujuan pragmatismya.

Ilmu jenis pertama itu diberikan Allah melalui wahyu-Nya kepada manusia; dan ini merujuk kepada Kitab Suci *al-Qur'ān*. *Al-Qur'ān* adalah wahyu yang lengkap dan terakhir, sehingga ia sudah cukup sebagai bimbingan dan keselamatan manusia. Dan tidak ada ilmu selainnya – kecuali yang didasarkan

di atasnya dan yang menunjuk kepadanya – yang dapat membimbing dan menyelamatkan manusia. Allah, bagaimanapun juga tidak pernah berhenti berhubungan dengan manusia, dan dengan rahmat-Nya, serta kurnia dan kemurahan-Nya ia dapat menganugerahkan ilmu dan kebijaksanaan kerohanian tertentu bagi hamba-Nya yang terpilih – ‘sahabat-sahabat’-Nya (yakni, *awliyā’*) – mengikut tingkatan *ihsān* mereka (lihat QS. 10: 62, 18: 65, 31: 12, 38: 20).

Kitab Suci *al-Qur’ān* adalah ilmu yang tidak ada tolok bandingnya. Nabi, *ṣallaLlāhu ‘alayhi wasallam* - yang menerima wahyu dan menyampaikan *al-Qur’ān* itu kepada manusia sebagaimana yang diwahyukan Allah kepadanya, yang telah menyampaikan ilmu itu kepada manusia, kehidupannya sendiri adalah penafsiran terhadap *al-Qur’ān* yang paling baik dan sempurna sehingga kehidupannya menjadi pusat keteladanan dan bimbingan kerohanian yang sejati bagi manusia- adalah ilmu tentang ilmu yang pertama itu kerana hakikat dan misi baginda yang diperintah Allah. Oleh kerana itu *sunnah*-nya, sebagai cara baginda untuk menafsirkan hukum Allah (*sharī‘ah*) dalam kehidupan dan amalan sehari-hari adalah juga bahagian dari ilmu tersebut. *Sharī‘ah* adalah hukum Allah yang terkandung dalam Kitab Suci *al-Qur’ān* dan dijelmakan dalam perkataan (*qawl*), contoh perbuatan (*fi‘l*), dan persetujuannya terhadap sesuatu dengan cara mendiamkannya (*taqrīr*) di dalam *sunnah*, yang di dalamnya termasuk ilmu dan kebijaksanaan kerohanian. Jadi, Kitab Suci *Al-Qur’ān*, *sunnah*, *sharī‘ah*, *al-‘ilm al-ladunniyy* dan hikmah adalah unsur utama dari ilmu jenis yang pertama itu. Terkait dengan ilmu yang disebut terakhir – ilmu kerohanian dan kebijaksanaan – manusia hanya dapat memperolehnya melalui ibadah dan ketaatan kepada Allah. Hal ini bergantung pada anugerah Allah serta kekuatan dan kemampuan spiritual yang diberi Allah kepadanya sehingga ia dapat menerima ilmu ini. Manusia menerima ilmu ini dengan cara diilhamkan secara langsung atau lewat penikmatan kerohanian (*dhawq*) dan penyingkapan penglihatan spiritual (*kashf*). Ilmu ini berkaitan diri atau jiwanya, dan ilmu semacam itu (*ma‘rifah*) – jika dialami dalam pelaksanaan yang benar terhadap *sharī‘ah* – akan memberikan ilmu tentang Tuhan, dan kerana itu disebut ilmu tertinggi. Di sini kita membicarakan ilmu pada tingkat *ihsān*, iaitu ketika ‘*ibādah* telah mencapai, atau dengan kata lain serupa dengan *ma‘rifah* (lihat 51: 56 dengan merujuk kepada *li ya‘budūn*, yang menurut ibn ‘Abbas bermaksud *li ya‘rifūn*).¹⁴ Oleh kerana ilmu tersebut pada akhirnya bergantung kepada rahmat Allah dan oleh kerana ia menuntut amalan dan pengabdian kepada Allah sebagai prasyarat memperolehnya, maka dapatlah disimpulkan bahawa untuk mendapatkan ilmu tersebut, ilmu tentang prasyarat itu menjadi sesuatu yang wajib. Ia merangkumi ilmu tentang dasar-dasar Islam (*islām – imān – ihsān*), prinsipnya (*arkān*), erti dan maksudnya, serta pemahaman dan pelaksanaannya yang benar dalam kehidupan dan amalan sehari-hari. Setiap Muslim harus mempunyai ilmu tentang prasyarat itu; harus mengerti dasar Islam dan keesaan Allah, pokokNya dan sifat-Nya (*tawhīd*); harus mempunyai ilmu tentang *al-Qur’an*, Nabi *ṣallaLlāhu ‘alayhi wasallam*, *sunnah* dan kehidupannya, serta

mengamalkan ilmu itu yang didasarkan amal dan pengabdian pada Allah sehingga setiap Muslim sudah berada dalam peringkat awal ilmu tingkat pertama tersebut, bahawa ia sudah siap sedia di atas Jalan Lurus yang akan membimbingnya menuju Allah. Pencapaiannya dalam mengejar kebaikan tertinggi (*ihsān*) akan bergantung kepada ilmunya sendiri, kemampuan intuitifnya, kekuatan perenungan, kemampuan, pencapaian serta keikhlasan.

Jenis ilmu yang kedua merujuk kepada ilmu sains (*'ulūm*) yang diperoleh melalui pengalaman, pengamatan dan penelitian. Ilmu ini bersifat diskursif dan deduktif dan berkaitan perkara yang bernilai pragmatis. Ilmu jenis pertama diberikan oleh Allah kepada manusia melalui pengungkapan langsung, sedangkan yang kedua melalui spekulasi dan usaha penyelidikan rasional dan didasarkan atas pengalamannya tentang segala sesuatu yang dapat ditangkap pancaindera dan difahami oleh akal. Yang pertama itu merujuk kepada ilmu tentang kebenaran objektif yang diperlukan untuk membimbing manusia, sedangkan yang kedua itu merujuk kepada ilmu mengenai data yang dapat ditangkap pancaindera dan difahami akal yang dipelajari (*kasbī*) untuk kegunaan dan pemahaman kita.

Dari sudut pandang manusia, dua jenis ilmu itu harus diperoleh melalui perbuatan secara sadar (*'amal*), kerana tidak ada ilmu yang berguna tanpa amal yang lahir dari ilmu tersebut, dan tidak ada amal yang bermakna tanpa ilmu. Ilmu jenis pertama menyingkap misteri wujud dan kewujudan dan mengungkapkan hubungan sejati antara diri manusia dan Tuhannya. Dan oleh kerana bagi manusia ilmu tersebut berkait dengan tujuan utama manusia mengetahui, maka dapat disimpulkan bahawa ilmu mengenai prasyarat ilmu itu menjadi dasar dan asas utama untuk ilmu jenis yang kedua, kerana ilmu yang kedua itu sendiri, tanpa bimbingan ilmu yang pertama, tidak akan dapat menuntun manusia dengan benar dalam kehidupannya dan hanya akan membingungkan, mengelirukan, dan menjerat manusia ke dalam kancah pencarian yang tanpa akhir dan tujuan.

Kita juga melihat adanya batas bagi manusia ke atas ilmu jenis yang pertama dan yang tertinggi itu, sementara tidak ada batas bagi ilmu jenis yang kedua, sehingga selalu wujud kemungkinan pengembaraan tanpa henti yang didorong akibat penipuan intelektual dan khayalan diri dalam keraguan dan keingintahuan yang berterusan. Seorang manusia seharusnya membatasi pencarian ilmu jenis yang kedua sampai kepada keperluan amali dan disesuaikan dengan hakikat serta kemampuannya. Tujuannya agar ia dapat menempatkan kedua-dua ilmu itu serta dirinya di tempat yang benar dalam hubungan dengan dirinya yang sesungguhnya sehingga dapat dipelihara suatu keadaan yang adil. Untuk itu, agar tercapainya keadilan sebagai matlamat, Islam membezakan pencarian terhadap kedua-dua jenis ilmu itu, menjadikan memperoleh ilmu tentang prasyarat bagi ilmu jenis yang pertama itu menjadi kewajipan bagi setiap Muslim (*farḍ 'ayn*), sedangkan yang lainnya hanya menjadi kewajipan bagi sebahagian kaum Muslimin (*farḍ kifāyah*), dan kewajipan bagi yang kedua itu dapat sahaja

dialihkan kepada yang pertama khususnya bagi orang yang menganggap diri mereka berkewajipan mencari ilmu jenis yang pertama demi memperbaiki diri. Pembahagian kewajipan mencari ilmu ke dalam dua kategori ini adalah cara menerapkan keadilan terhadap ilmu dan bagi orang yang mempelajarinya, kerana *semua* ilmu tentang prasyarat ilmu jenis yang pertama itu adalah baik untuk manusia, sedangkan *tidak semua* ilmu jenis yang kedua itu baik untuknya. Ini adalah kerana orang yang mempelajari ilmu jenis yang kedua ini, yang dapat membawa pengaruh yang cukup besar ke dalam peranan dan kedudukan sekularnya sebagai warga negara, belum tentu adalah manusia yang baik. Konsep ‘manusia yang baik’ dalam Islam tidak hanya bermaksud ‘baik’ dalam pengertian sosial seperti yang difahami orang pada umumnya, tetapi ia juga mesti pertamata-tama baik kepada dirinya, tidak berlaku zalim (tidak adil) terhadap dirinya seperti yang telah diterangkan. Sekiranya ia tidak dapat adil kepada dirinya, bagaimana ia dapat benar-benar adil terhadap orang lain?

Jadi kita melihat dalam Islam: (a) ilmu merangkumi iman dan kepercayaan (b) tujuan menuntut ilmu adalah penanaman kebaikan atau keadilan dalam diri manusia sebagai *manusia* dan *diri-peribadi*, dan bukannya sekadar manusia sebagai warga negara atau bahagian yang tidak terpisahkan daripada masyarakat. Inilah nilai manusia sebagai manusia sejati, sebagai penduduk dalam kotadirinya, sebagai warga negara dalam kerajaan mikrokosmiknya sendiri, sebagai ruh. Inilah yang perlu ditekankan, manusia bukan sekadar entiti fizik yang nilainya diukur dalam pengertian pragmatik atau utilitarian yang melihat kegunaannya bagi negara, masyarakat, dan dunia.

Sebagai landasan pemikiran bagi tujuan dan maksud pendidikan, dan bagi pembinaan ilmu teras yang terpadu dalam sistem pendidikan, saya merasakan pentingnya untuk mengumpulkan kembali sifat utama pandangan Islam tentang Realiti.¹⁵ Melihat bahawa pandangan Islam terhadap Realiti itu terpusat pada Wujud, maka dari itu dengan cara yang sama Wujud dalam Islam dilihat sebagai hirarki dari yang tertinggi hingga yang terendah. Dalam konteks ini kelihatan juga hubungan antara manusia dengan alam semesta, kedudukannya dalam urutan Wujud dan gambaran analoginya sebagai mikrokosmos yang mencerminkan Makrokosmos, dan bukan yang sebaliknya. Ilmu juga disusun secara hirarki, dan tugas kita pada masa ini adalah untuk merombak sistem pendidikan yang kita ketahui – dan dalam beberapa hal merubahnya – sehingga ia mencerminkan aturan disiplin dalam sistem Islam.

DEFINISI DAN TUJUAN PENDIDIKAN

Telah kita katakan keadilan membayangkan ilmu yang juga bermakna ilmu itu mendahului keadilan. Kita telah mendefinisikan keadilan sebagai keadaan yang harmoni atau keadaan dengan segala sesuatu itu pada tempatnya yang benar dan tepat – seperti kosmos; atau keadaan yang seimbang, baik yang menyangkut dengan benda atau makhluk hidup. Lebih jauh lagi telah kita katakan berkaitan

tentang manusia dan melihat hakikat gandanya, keadilan adalah situasi dan keadaan yang ia berada pada tempatnya yang benar dan tepat – situasinya dalam hubungan dengan yang lain dan keadaannya dalam hubungan dengan dirinya sendiri. Kemudian telah kita sebut bahawa ilmu tentang ‘tempat yang benar’ bagi suatu benda atau suatu wujud adalah suatu kebijaksanaan (*wisdom*). Kebijaksanaan adalah ilmu yang diberikan oleh Allah untuk memungkinkan orang yang ilmu tersebut berada padanya untuk mengamalkannya sehingga ia (pengamalan dan keputusan tersebut) menyebabkan lahirnya keadilan. Dengan demikian keadilan adalah keadaan eksistensial dari kebijaksanaan yang terjelma dalam hal yang dicerap pancaindera dan difahami akal serta dalam alam kerohanian yang berkaitan dengan dua jiwa manusia itu. Penjelmaan luaran keadilan dalam kehidupan dan masyarakat itu tidak lain daripada hadirnya adab dalam kehidupan dan masyarakat tersebut. Saya menggunakan konsep (*ma’ nā’*) adab di sini dalam pengertiannya yang paling awal dari istilah itu, sebelum munculnya inovasi yang dibuat para cerdik pandai kesusasteraan. Pengertian adab pada asalnya adalah *undangan kepada suatu jamuan*. Konsep jamuan ini membawa makna bahawa tuan rumah adalah orang yang mulia dan dihormati dan ramai orang yang hadir; para hadirin adalah mereka yang dalam penilaian tuan rumah patut mendapat penghormatan atas undangan itu. Oleh kerana itu, mereka adalah orang budiman dan terhormat yang diharapkan berperilaku sesuai dengan kedudukan mereka, dalam percakapan, tingkah laku dan etiket. Dalam pengertian yang sama kenikmatan makanan yang lazat dalam jamuan itu makin bertambah dengan kehadiran orang yang terhormat serta ramah, dan hidangan tersebut dijamu dengan tatacara, perilaku dan etiket yang penuh dengan kesopanan. Demikian pula halnya ilmu harus disanjung dan dinikmati serta didekati dengan cara yang sama sesuai dengan ketinggian yang dipunyainya. Dan inilah sebabnya kita mengatakan analogi ilmu adalah *hidangan dan kehidupan* bagi jiwa itu. Berdasarkan pengertian ini, adab juga bermaksud mendispilinkan fikiran dan *jiwa*. Ia adalah pemerolehan sifat dan ciri yang baik bagi fikiran dan jiwa. Ia juga *pelaksanaan* perbuatan *benar* dan *tepat* sebagai lawan daripada perbuatan yang salah dan keliru; menjadi benteng yang melindungi dari keaiban. Analogi dari undangan ke suatu jamuan untuk ikut menikmati makanan yang lazat, dan kepada ilmu untuk menjadi hidangan bagi akal dan jiwa, dinyatakan secara jelas dan mendalam dalam suatu *hadīth* yang diriwayatkan oleh ibn Mas‘ūd *raḍiyāLlāhu ‘anhu*:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ مَأْدَبَةٌ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ فَتَعَلَّمُوا مِنْ مَأْدَبَتِهِ

“*Sesungguhnya Kitab Suci al-Qur’an ini adalah jamuan Allah di bumi, maka lalu belajarlah dengan sepenuhnya dari jamuan-Nya*”

Lisān al-‘Arab mengatakan *ma’dabat* bermaksud *mad’āt* (I:206:2) maka Kitab Suci *al-Qur’ān* adalah undangan Allah ke suatu jamuan kerohanian di muka bumi dan kita dinasihati untuk ikut mengambil bahagian dengan cara

mengambil ilmu sejati daripadanya. Pada akhirnya, ilmu yang benar itu adalah ‘mengecap rasanya yang sejati’ dan itulah sebabnya kita katakan sebelum ini bahawa dengan merujuk kepada unsur utama ilmu jenis yang pertama, manusia menerima ilmu dan kebijaksanaan kerohanian daripada Allah melalui ilham secara langsung atau kenikmatan kerohanian (*dhawq*), pengalaman tersebut hampir secara serentak menyingkapkan realiti dan kebenaran sesuatu kepada penglihatan kerohaniannya (*kashf*). Orang yang di dalam dirinya tersimpan adab mencerminkan kebijaksanaan dan dalam hubungannya dengan masyarakat adab itu adalah pengaturan susunan yang adil di dalamnya. Maka *adab* adalah persembahan keadilan seperti yang dicerminkan dalam kebijaksanaan, dan ia adalah pengakuan kepada berbagai hirarki (*marātib*) dalam susunan wujud, eksistensi dan ilmu, dan perbuatan yang sesuai dengan pengakuan itu. Telah kita katakan sebelum ini tujuan mencari ilmu dalam Islam adalah untuk menanamkan kebaikan atau keadilan pada manusia sebagai manusia dan diri peribadi. Oleh kerana itu, tujuan pendidikan dalam Islam adalah untuk melahirkan manusia yang baik. Apa yang dimaksudkan dengan ‘baik’ dalam konsep kita tentang ‘manusia baik’? Unsur asasi yang terkandung dalam konsep pendidikan Islam adalah penanaman *adab*, kerana *adab* dalam pengertian yang luas di sini dimaksudkan meliputi kehidupan kerohanian dan kebendaan manusia yang menumbuhkan sifat kebaikan yang dicarinya. Pendidikan adalah tepat seperti yang dimaksudkan dengan *adab* oleh baginda Nabi, *ṣallaLlāhu ‘alayhi wasallam*, ketika baginda bersabda:

أَدَّبَنِي رَبِّي فَأَحْسَنَ تَأْدِيبِي

Tuhanku telah mendidik (addaba) aku, dan menjadikan pendidikanku (ta’dīb) yang terbaik.

Pendidikan adalah meresapkan dan menanamkan adab pada manusia – ia adalah *ta’dīb*.¹⁶ Jadi *adab* adalah apa yang mesti ada pada manusia jika ia boleh memperlihatkan kemampuan dirinya dengan cemerlang dalam kehidupan ini dan hari akhirat. Definisi pendidikan dan tujuan serta maksudnya itu sesungguhnya telah terangkum dalam penerangan tentang konsep *adab* seperti yang dipaparkan di sini.

SISTEM ATURAN DAN DISIPLIN ISLAM

Sebelum ini, kita telah menyebut sistem aturan dan disiplin dalam Islam. Islam adalah contoh yang terbaik daripada aturan dan disiplin kosmos Ilahi, dan orang yang sedar akan takdirnya dalam Islam mengetahui bahawa dengan pengertian yang sama ia juga suatu aturan dan disiplin. Ia sendiri bagaikan sebuah kota, sebuah kerajaan dalam bentuk miniatur; kerana di dalam dirinya seperti juga di dalam seluruh umat manusia terjemakan sifat Sang Pencipta dan bukan yang

sebaliknya. Manusia tahu dirinya mengetahui, dan pengalaman daripada pengetahuan seperti itu memberitahu dirinya yang dia adalah wujud dan sekaligus eksistensi, suatu kesatuan tetapi juga keberagaman, dia sentiasa wujud tetapi pada saat yang sama bersifat fana – pada satu sisi dia tetap tetapi pada sisi yang lain berubah. Keperibadiannya, sejak kelahiran hingga kematiannya sebagai fenomena wujud itu tidaklah berubah sekalipun wujud fizikalnya selalu berubah dan akhirnya akan mengalami kemusnahan. Hal ini berkait dengan hakikat keperibadiannya merujuk kepada suatu yang tetap dalam dirinya – jiwa akalinya. Seandainya bukan kerana sifatnya yang tetap ini, tidak mungkin bagi ilmu untuk berada dalam dirinya. Maka ilmu jenis yang pertama itu yang menjadi kehidupannya dan makanannya itu merujuk kepada jiwa akalinya. Pendidikannya secara keseluruhan dan upaya memperoleh ilmu yang menuntunnya kepada ilmu jenis yang pertama itu menuntutnya memperoleh ilmu tentang prasyarat bagi ilmu jenis yang pertama itu (iaitu *fard 'ayn*). Oleh sebab hakikat keperibadiannya yang tetap, demikian pula dengan pendidikan dalam Islam itu merupakan proses yang terus-menerus sepanjang masa hidupnya di muka bumi dan ia meliputi setiap aspek kehidupan itu. Dari sudut pandangan pemakaian linguistik, kita harus melihat hakikatnya istilah *'ilm* itu telah digunakan dalam Islam untuk merangkumi keseluruhan kehidupan – kerohanian, intelektual, keagamaan, kebudayaan, perseorangan dan sosial – bermaksud bahawa sifatnya adalah universal, dan bahawa ia penting untuk menuntun manusia meraih keselamatannya. Tidak ada kebudayaan dan peradaban lain pernah menggunakan istilah tunggal untuk ilmu untuk merangkumi semua kegiatan dalam kehidupan manusia. Barangkali inilah sebabnya mengapa pengaturan, penanaman dan penyebaran ilmu itu difahami sebagai sistem aturan dan disiplin yang berhubungan dengan *kulliyah*, suatu konsep yang membawakan gagasan universal. Kita mengetahui bahawa berdasarkan zaman paling yang awal Islam memulakan sistem pendidikannya secara besar-besaran dengan masjid sebagai pusatnya; dan dengan masjid (*jāmi'*) yang terus menjadi pusatnya bahkan – dalam beberapa hal – sehingga sekarang, di sana berkembang lembaga pendidikan lainnya seperti *maktab*, *bayt al-ḥikmah*, pertemuan sarjana dan pelajar (*majālis*), *dār al-'ulūm*, dan *madāris*. Dan dalam bidang ilmu perubatan, astronomi dan ilmu-ilmu pengabdian berkembanglah rumah sakit, observatorium dan *zāwiyah* di kalangan persaudaraan *Ṣūfī*. Kita juga mengetahui perguruan tinggi Barat itu dibentuk meniru model Islam yang asal. Sangat sedikit maklumat yang saya punyai, akan tetapi tinjauan ke atas konsep asli universiti dalam sistem pendidikan Islam dan pengembangan konsep asal Islam yang berhubungan dengan struktur universiti itu telah mempengaruhi model universiti Barat. Namun demikian, ciri umum dan struktur universiti masa sekarang yang meniru betul-betul model Barat itu masih mengungkapkan secara jelas jejak asal Islamnya.

Asal-usul nama institusi itu berasal dari bahasa Latin: *universitatem*, dengan jelas mencerminkan konsep *kulliyah* yang berasal daripada Islam pada mulanya.

Pada masa itu juga peranan ilmu perubatan dalam pendidikan Islam dan pengaruhnya yang besar ke atas Barat, konsep anatomiknya tentang *fakulti* yang mengingatkan kembali terhadap *quwwah*, suatu istilah yang bermaksud suatu *kekuatan yang terkandung pada suatu organ* yang menjadi yang paling penting pengaruhnya. Pengaruh ini bukan sahaja – menurut saya – dalam hal menentukan asal Islamnya, tetapi juga membuktikan hakikat bahawa kerana konsep fakulti berhubungan dengan makhluk hidup tempat sifat ilmu itu berada, dan bahawa ilmu ini menjadi prinsip yang mengatur fikiran dan perbuatannya, maka universiti harus difahami sebagai upaya meniru struktur umum manusia, baik dalam bentuk, fungsi dan tujuannya. Ini adalah perlambangan mikrokosmik daripada manusia, bahkan sesungguhnya manusia universal.

Tetapi, universiti yang dikembangkan kemudian di Barat dan ditiru hari ini di seluruh dunia itu tidak lagi mencerminkan manusia. Ibarat manusia tanpa keperibadian, universiti moden tidak mempunyai *pusat* yang sangat penting dan tetap, tidak ada prinsip utama yang tetap yang menjelaskan tujuan akhirnya. Ia tetap menganggap dirinya memikirkan hal universal, bahkan menyatakan mempunyai fakulti dan jabatan seperti layaknya tubuh suatu organ – tetapi ia tidak mempunyai otak, jangankan akal dan jiwa, kecuali dalam fungsi pentadbiran murni untuk pemeliharaan dan perkembangan fizikal. Perkembangannya tidak dibimbing prinsip yang *akhir* dan tujuan yang jelas, kecuali prinsip nisbi yang mendorong mengejar ilmu tanpa henti dan tujuan yang jelas. Ia telah menjadi simbol yang kabur – tidak seperti konsep *al-Qur'an* mengenai *āyah* – kerana ia hanya menunjuk kepada dirinya sendiri (iaitu, sains untuk sains itu sendiri) bukan untuk tujuan sebenar ia dihadirkan (iaitu bagi manusia). Akibatnya, universiti hanya menghasilkan kekeliruan yang tidak ada akhir, bahkan keraguan. Oleh sebab landasan sekular kebudayaan Barat itu, seperti yang telah diterangkan di bahagian awal, universiti diarahkan kepada tujuan nisbi yang sekular, dan oleh kerana itu mencerminkan *negara* dan *masyarakat* sekular dan bukan manusia universal. Tidak pernah ada dan tidak mungkin akan ada, kecuali dalam Islam iaitu dalam peribadi Nabi Muhammad, *ṣallaLlāhu ‘alayhi wasallam*, manusia universal yang dapat dicerminkan dalam perlambangan mikrokosmik seperti ‘universiti’. Tidak ada negara atau masyarakat yang dapat dipandang boleh mempunyai sifat yang disebut ilmu itu, kerana sifat ini hanya dipunyai manusia perseorangan. Bahkan, jika ada yang membantah dengan menyatakan universiti moden juga sebenarnya meniru manusia, maka hakikatnya yang digambarkannya itu hanyalah manusia sekular, binatang rasional tanpa ruh, bagaikan lingkaran tanpa titik pusat. Berbagai fakulti dan jurusan di dalamnya, seperti pelbagai fakulti dan indera tubuh, dalam universiti moden tidaklah selaras dan tersusun. Masing-masing sibuk dengan haluannya sendiri yang tidak ada akhir; setiap bahagian melaksanakan ‘kehendak-bebas’-nya sendiri, tidak ada kesatuan kehendak sebagai wujud yang satu, kerana memang tidak ada yang namanya ‘Wujud’ – semuanya adalah ‘kemenjadian’. Dapatkah seseorang dinilai sihat dan waras apabila ia memikirkan

suatu hal dan pada saat yang sama ia mengakui sesuatu yang sama sekali berbeza dengan apa yang difikirkannya, mengatakan sesuatu yang lain sama sekali, mendengar suara yang berbeza, tetapi juga melihat hal yang berbeza? Universiti moden adalah contoh terbaik manusia dalam keadaan *zulm*, dan keadaan semacam itu dipelihara dengan cara menganjurkan, mengangkat dan membenarkan keraguan serta dugaan sebagai perangkat epistemologi untuk penyelidikan saintifik. Kitab Suci *al-Qur'ān* berulang kali menolak kaedah sedemikian, melabelnya sebagai lawan kepada ilmu. Oleh itu keraguan, dugaan dan tekaan, pertengkar dan perdebatan, kecenderungan fikiran dan jiwa ke arah nafsu tabii, umumnya semua itu dipandang tercela – lebih-lebih lagi kalau diterapkan dalam dan menyamar sebagai ilmu.

Kita harus mencatat hakikat penting bahawa dalam kebudayaan dan peradaban Barat, dan merujuk kepada sosiologi ilmu, Barat telah mendefinisikan ilmu dalam pengertian sebagai usaha sains untuk mengendalikan alam dan masyarakat. Dalam hal manusia sebagai individu, Barat tidak lagi memberi perhatian atau merealisasikan usaha perbaikan, pengenalan dan peningkatan keperibadiannya serta hasratnya mempelajari aturan Ilahi di dunia dan keselamatan. Padahal perkara ini adalah tujuan yang paling penting – yang bermaksud hakikat sejati – dari ilmu. Hal ini berlaku kerana bahawa Barat tidak mengakui Realiti untuk mengarahkan pandangannya, tidak ada satu Kitab Suci yang dapat menegaskan dan menunjukkan dalam kehidupan, tidak ada seorang pembimbing, seorang manusia universal, yang katanya, perbuatannya, tindakannya serta seluruh kehidupannya dapat dijadikan contoh teladan dalam kehidupan. Sebagai orang Islam, kita tidak boleh mengabaikan hakikat yang penting ini; kerana dalam Islam terkandung tiga asas ilmu itu serta amalan yang disebut tadi, dan kerana alasan itu ilmu diklasifikasikan kepada dua jenis dan menjelaskan konsep ilmu prasyarat harus menjadi asas dan teras bagi semua pendidikan.

NOTA HUJUNG

- ¹ Lihat hlm. 86 *Islam and Secularism* di atas, yang membahas tentang *yaqīn* (*certainty*). Al-Qur'an menyebutkan tiga tingkatan keyakinan dalam ilmu: Keyakinan yang berasal daripada inferensi, baik secara deduktif atau induktif: '*ilm al-yaqīn (al-Takāthur* (102): 5); keyakinan yang berasal daripada penglihatan langsung '*ayn al-yaqīn (al-Takāthur* (102): 7); keyakinan yang berasal dari pengalaman langsung '*haqq al-yaqīn (al-Hāqqah* (69): 51). Tingkatan ilmu yang pasti ini berkait dengan kebenaran, baik yang nampak atau tidak, empiris atau transenden; dan ilmu yang pasti mengenai perkara yang tersembunyi itu memiliki tingkat kepastian yang sama dengan yang nampak. Tingkatan keyakinan ini juga berhubungan organ pengenalan spiritual yang disebut dengan hati (*al-qalb*), dan ilmu di sini bermakna kepercayaan atau keimanan (*īmān*). Lihat hlm. 75 dalam *Islam and Secularism*.
- ² Promethean: sangat kreatif dan asli, daripada perkataan Prometheus dalam mitologi Yunani merupakan anak Titan, Tuhan terbesar dalam mitologi Yunani yang memberi api kepada manusia – penterjemah.

- ³ Sisyphus: Seorang raja dan pengasas kota Coriuth, dihukum kerana menghalang kematian dan tidak menghormati Zeus. Ia adalah simbol kesia-siaan – penterjemah.
- ⁴ Lihat Albert Camus, *The Myth of Sisyphus*, 1942 - penterjemah.
- ⁵ ‘Beberapa kandungan ilmu pengetahuan’ di sini adalah yang berhubungan khususnya dengan ilmu kemanusiaan.
- ⁶ Lihat hlm. 75-85; 89-95 dalam *Islam and Secularism*.
- ⁷ Lihat hlm. 74-75 dalam *Islam and Secularism*.
- ⁸ Jawapan yang lebih tegas untuk hujah di atas adalah apa yang ditulis di catatan kaki 124 dalam *Islam and Secularism*.
- ⁹ Dalam bab ini nombor yang ada di dalam kurungan itu menunjukkan nombor surah dan ayat dalam al-Qur’an; nombor sebelum titik-koma itu adalah nombor surah, dan yang sesudahnya itu nombor ayat.
- ¹⁰ Lihat Tafsir al-Qurṭubiyy, At-Ṭabariyy – penterjemah.
- ¹¹ Keterangan tentang konsep keadilan dan ketidakadilan dalam Islam, dan hubungannya dengan Perjanjian dengan Allah: hlm. 75-79. Hal yang sama berlaku di dalam konsep Islam, bahawa Perjanjian itu pada hakikatnya bukan suatu doktrin ‘kontrak sosial’ dan ‘kebahagiaan’ itu adalah ilmu yang dihubungkan dengan keadilan. Lihat hlm. 74-75 dalam *Islam and Secularism*.
- ¹² Ringkasan mengenai pelbagai pemikiran ilmu pengetahuan yang datang daripada pemikir Muslim meliputi periode di atas. Lihat al-Tahānawī, *Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn*, dalam artikelnya tentang ‘ilm. Sebahagian besarnya berasal daripada data yang ada dalam *al-Mawāqif* oleh ‘Aḍud al-Dīn al-Ijī, yang banyak merujuk karya al-Āmidī *Abkar al-Afkār*.
- ¹³ Telah banyak upaya dilakukan pemikir Muslim untuk mendefinisikan ilmu baik secara falsafah atau epistemology. Definisi yang paling baik – menurut al-Āmidī dalam karyanya yang dikutip di catatan kaki sebelum ini dan juga dalam karya lainnya; *Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* – dibuat oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī. Ibn Ḥazm, dan al-Ghazali dalam *Maqāsid al-Falāsifah*, telah membezakan makna definisi sebagai wujud dalam dua bentuk, yang satu merujuk kepada penggambaran akan hakikat sesuatu objek yang didefinisikan (*rasm*); dan yang lain berkait dengan ringkasan mengenai sifat khusus daripada objek yang didefinisikan. Di sini kita tidak menyentuh definisi ilmu baik secara falsafah atau epistemologi, namun lebih pada klasifikasi umum yang ditetapkan untuk digunakan dalam sebuah sistem aturan dan disiplin dalam sistem pendidikan.
- ¹⁴ Lihat catatan kaki no. 76 dalam *Islam and Secularism*.
- ¹⁵ Di sini kita merujuk kepada penglihatan falsafah mengenai Realiti dan konsep Islam tentang perubahan, pembangunan, dan kemajuan penglihatan yang diambil daripada pandangan alam Islam. Lihat hlm. 85-88 dalam *Islam and Secularism*.
- ¹⁶ Mengenai definisi dan keterangan yang lebih lanjut tentang konsep *adab*, lihat bab IV yang membahasnya. Yang hendak dikemukakan di sini adalah ‘pendidikan’ yang bermakna *ta’dīb*, yang berlainan dengan *tarbiyah* yang telah diterima umum, *Tarbiyah* dalam pandangan saya adalah istilah yang dapat dianggap baru untuk memberi makna ‘pendidikan’. Secara semantik, istilah ini kurang tepat atau memadai untuk menjelaskan konsep pendidikan, istilah yang ditujukan khusus bagi manusia. Pada dasarnya *tarbiyah* memberi makna ‘memelihara’, ‘mengarahkan’, ‘memberi makan, mengembangkan, memelihara, menyebabkannya tumbuh dewasa’, ‘menjaga’, ‘menjadikannya memberi hasil’, ‘menjinakkan’. Penerapannya dalam bahasa Arab

tidak terbatas pada manusia, medan semantiknya meluas ke spesies lainnya: mineral, tumbuhan dan haiwan, kita dapat mengaitkannya dengan penternakan sapi, peternakan ayam, perbiakan ikan, dan perkebunan. Semua itu adalah bentuk-bentuk *tarbiyah*. Pendidikan adalah suatu yang khusus untuk manusia; dan aktiviti yang berkaitan dan unsur kualitatif yang terkandung di dalam pendidikan itu tidak sama dengan yang ada pada *tarbiyah*. Selain itu, *tarbiyah* biasanya berkaitan dengan konsep kepemilikan, dan biasanya pemilik adalah pelaku *tarbiyah* terhadap objek *tarbiyah*. Tuhan, Pemelihara, Pemberi Rezeki, Yang Maha Mengasihani, Tuan dan Pemilik daripada segala itu telah pun menunjukkan kekuasaannya terhadap segalanya, sehingga *tarbiyah* adalah suatu yang mesti dilakukan manusia. Jika menyangkut tentang manusia biasanya orang tua adalah pelaku *tarbiyah* terhadap anak-anaknya. Ketika pelaksanaan *tarbiyah* diserahkan kepada negara, terdapat bahaya yang membuat pendidikan menjadi kegiatan sekular, yang kenyataannya memang telah terjadi. Lebih jauh lagi tujuan *tarbiyah* itu biasanya yang bersifat fizikal dan kebendaan kerana ia hanya berhubung dengan pertumbuhan yang bersifat fizikal dan kebendaan. Kita semua mengetahui inti dari proses pendidikan itu adalah mencapai tujuan yang berkait dengan akal, suatu yang hanya ada pada diri manusia. Jadi kita memilih istilah yang tepat untuk pendidikan untuk memenuhi maksud dan tujuan pendidikan, iaitu menghasilkan orang yang baik. Satu-satunya istilah yang tepat dan memadai untuk pendidikan adalah *ta'dib*. Kesalahan dalam pemilihan dan pemakaian istilah yang digunakan untuk konsep kebudayaan, keagamaan dan spiritual itu dapat menyebabkan kebingungan dalam ilmu daripada segi teori atau amalan.

(Sumber asal: sebahagian daripada Bab V daripada buku *Islam and Secularism* Kuala Lumpur: ISTAC, Cetakan II, 1993)

Penterjemah: Khalif Muammar A. Harris, Ph D
Felo Penyelidik
Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi

Emel: ketamadunan@yahoo.com